

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada **Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai tender seperti berikut:

NO. TENDER	TAJUK TENDER	TARAF	TARIKH DOKUMEN TENDER DIJUAL, TARIKH TUTUP TENDER, TARIKH TAKLIMAT TENDER & NO. PETI TENDER	WAKTU JUALAN, TEMPAT DOKUMEN TENDER DIJUAL & TEMPAT TUTUP TENDER	LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)	KAEDAH BAYARAN DOKUMEN
UTM.B 2/2026	UTM – PENGGANTIAN SISTEM LIF DI BANGUNAN AKADEMIK DAN BANGUNAN KOLEJ KEDIAMAN (RP1-RMKe-13) KAMPUS UTM JOHOR BAHRU PAKEJ 1 – BANGUNAN AKADEMIK PAKEJ 2 – BANGUNAN KOLEJ KEDIAMAN	TERBUKA	Tarikh Pamer Naskhah Meja : 6 Februari 2026 (Jumaat) Tarikh Jual Tender : 11 Februari 2026 Hingga 3 Mac 2026 Tarikh Tutup Tender: 10 Mac 2026 Taklimat Tapak: 11 Februari 2026 Masa Taklimat Tapak : 10.00 Pagi Tempat Taklimat Tapak: Bilik Mesyuarat Profesional, Blok F53, Kompleks BPA, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Johor Bahru, Johor No. Peti Tender : Dua (2)	Waktu pejabat : Isnin-Khamis 8.30 pagi – 12.30 tengah hari 2.15 petang - 4.30 petang Jumaat 8.30 pagi – 11.45 pagi 3.00 petang – 4.30 petang Tempat Jual & Tutup Tender : Seksyen Kontrak dan Perolehan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Johor Bahru, Johor	LPIPM Gred : G6 hingga G7 Kategori : ME - Mekanikal Pengkhususan: M03 – Lift dan Eskalator	*Bayaran RM300.00 senaskah melalui pautan dilaman web https://payhub.utm.my dengan pilihan UTM JB – Dokumen Perolehan *Sila kemukakan resit pembayaran semasa urusan pembelian dokumen tender di kaunter

2. Pihak Kontraktor perlu mengemukakan bayaran secara **atas talian melalui pautan <https://payhub.utm.my/> dengan memilih (UTM JB – Dokumen Perolehan)** untuk tujuan pembayaran pembelian dokumen tender. Setelah itu, pihak Kontraktor perlu **HADIR** ke Seksyen Kontrak dan Perolehan membawa bersama dokumen yang berikut:

- Salinan Penyata KWSP (sekiranya wakil syarikat);**
- Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor;**
- Sijil Perolehan Kerja Kerajaan;**
- Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate -TCC)**
- Salinan Resit Pembayaran (Pembayaran Secara Atas Talian) serta satu set Salinan fotostat bagi kesemua dokumen tersebut untuk tujuan pembelian dokumen tawaran.**

Diwajibkan – Hanya penama di dalam siil pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat. Pendaftaran kontraktor hanya dibenarkan bermula pada pukul **9.00 pagi** sehingga **10.00 pagi sahaja**. Dokumen tender hanya akan dikeluarkan kepada petender yang menghadiri taklimat tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

3. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti tender **No. Dua (2) di Seksyen Kontrak dan Perolehan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), UTM Johor Bahru, Johor** tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

Iklan tender UTM juga boleh dilihat dipautan :

- <https://eperolehan.utm.my>
- <https://myprocurement.treasury.gov.my/>
- <https://www.facebook.com/bpajtnrcputm>


Sr ASLIZA BINTI BAKAR
 Pengarah
 Seksyen Kontrak dan Perolehan
 Bahagian Pengurusan Aset
 Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 Universiti Teknologi Malaysia
 81310 UTM Johor Bahru, Johor